

Headline	Tabung Haji tingkat hubungan antara agensi, media	Language	Malay
Date	01 Jun 2011	Page No	u23
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)	Article Size	185 cm²
Section	NEWS	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	1,018
Frequency	Daily	PRValue	3,054
Circ / Read	60,000 /		



Tabung Haji tingkat hubungan antara agensi, media

BAYAN LEPAS – Lembaga Tabung Haji Pulau Pinang menggiatkan usaha meningkatkan prasarana dan memperkenalkan pusat penginapan Taha D' Mutiara (TDM) melalui majlis makan malam bersama agensi pelancongan dan media, kelmarin.

Timbalan Pengarah Negeri, Ahmad Hapizudin Abas berkata, hubungan di antara kedua-dua pihak dapat ditingkatkan sekali gus membuka laluan hubungan kerjasama yang lebih baik pada masa akan datang.

“Program ini menjadi salah satu jalan untuk membantu memastikan pusat penginapan dan kemudahan yang kami sediakan dapat dimanfaatkan masyarakat setempat mahupun pelancong asing,” katanya ketika ditemui di Kompleks Tabung Haji.

Taklimat mengenai kemudahan penginapan turut dibentangkan kepada wakil agensi dan sesi inter-

aksi turut diadakan.

Beliau berkata, terdapat dua pusat penginapan yang menawarkan perkhidmatan yang sama selain di Bayan Lepas iaitu Selangor dan Sabah.

“Selalunya, ramai yang menganggap bahawa pusat penginapan yang ada hanyalah untuk kegunaan jemaah haji yang bakal berangkat ke Makkah, namun sebenarnya perkhidmatan ini terbuka kepada semua,” katanya.

Pihaknya turut me-

rancang untuk menaik taraf beberapa fasiliti bagi memudahkan penginapan yang kebanyakannya dari dalam dan luar negeri.

“Justeru itu, perancangan untuk membina gelanggang futsal akan dilaksanakan untuk meningkatkan kemudahan *indoor games* di sini.

“Setakat ini, sambutan yang diberikan amat menggalakkan berikutan musim cuti sekolah yang sedang berlangsung,” kata Ahmad Hapizudin.

Headline	Tabung Haji tingkat hubungan antara agensi, media	Language	Malay
Date	01 Jun 2011	Page No	u23
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)	Article Size	185 cm²
Section	NEWS	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	1,018
Frequency	Daily	PRValue	3,054
Circ / Read	60,000 /		



■ Ahmad Hapizudin menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada wakil agensi pelancongan yang menghadiri majlis makan malam di Dewan Kompleks Tabung Haji.